

Nazri usah keruhkan keadaan

UM - 28/6/2006

JOHOR BAHRU 27 Jun - Beberapa pemimpin UMNO Johor hari ini meminta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz agar tidak mengeluarkan kenyataan mengenai bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad yang boleh mengeruhkan lagi keadaan dan memecahbelahkan UMNO.

Mereka juga mahukan Nazri menghormati bekas Perdana Menteri dan bekas Presiden UMNO itu, walaupun Dr. Mahathir telah membuat kesilapan dengan membuat kritikan secara terbuka terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tentang beberapa isu baru-baru ini.

Ketua UMNO Bahagian Tebrau, Maulizan Bujang yang menganggap kenyataan Nazri itu sebagai pandangan peribadinya berkata perselisihan pendapat antara Dr. Mahathir dan Abdullah merupakan perkara dalaman parti, yang memerlukan penyelesaian segera oleh UMNO.

"Apa yang tidak diperlukan ketika ini adalah kenyataan-kenyataan yang akan mengeruhkan lagi keadaan. Pada masa kita menyokong Perdana Menteri (Abdullah), jangan pulalah kita melupakan jasa-jasa Tun (Dr. Mahathir).

"Pandangan macam ini (oleh Nazri)

tidak membawa kebaikan," katanya kepada Bernama di sini hari ini.

Maulizan ditanya mengenai kenyataan Nazri semalam, yang meminta agar bekas Presiden UMNO itu meninggalkan parti berkenaan berikutan tindakannya mengkritik secara terbuka beberapa keputusan yang dibuat oleh kerajaan baru-baru ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu turut mengisytiharkan perang terbukanya terhadap Dr. Mahathir.

Ketua UMNO Bahagian Tebrau itu juga tidak bersetuju dengan pandangan Nazri yang mahukan Dr. Mahathir meninggalkan UMNO kerana tindakan sedemikian akan hanya menguntungkan pihak pembangkang.

Pandangan Maulizan itu turut dikongsi oleh Ketua UMNO Bahagian Gelang Patah, Abdul Aziz Sopian yang berkata pihak pembangkang akan mengambil kesempatan jika Dr. Mahathir keluar daripada UMNO seperti didesak oleh Nazri.

"Nazri tidak boleh membuat kenyataan seperti itu. Tun (Dr. Mahathir) telah banyak berjasa kepada UMNO. Kesempatan itu (jika Tun keluar daripada UMNO) akan dipergunakan oleh orang lain (pembangkang)... saya tidak setuju," katanya.

Beliau juga tidak bersetuju dengan

Tidak wajar bagi Nazri untuk meminta Dr. Mahathir meninggalkan UMNO pada ketika parti yang telah menjangkau umur 60 tahun tersebut sedang berusaha keras menarik orang Melayu menganggotainya

tindakan Nazri mengisytiharkan perang terbukanya terhadap Dr. Mahathir dan menasihatkan menteri itu supaya 'berperang' dengan perkara lain yang lebih berfaedah seperti masalah penagihan dadah di kalangan rakyat negara ini.

Timbalan Ketua UMNO Bahagian Tebrau, Abdul Halim Sulaiman pula berkata tindakan Nazri itu tidak melambangkan tradisi yang dipegang kuat oleh UMNO dan orang Melayu berkenaan sikap berbudi bahasanya yang amat tinggi.

"Dalam UMNO, kita mempunyai budi bahasa yang amat tinggi. Walaupun tindakan Tun (mengkritik Abdullah) itu adalah salah, tetapi kita tetap perlu menghormati beliau. Apa sahaja pertelingkahan, ia boleh diselesaikan menerusi meja rundingan," katanya.

OSMAN SAPIAN
Timbalan
Ketua UMNO
Bahagian Pulai

Sementara itu, Timbalan Ketua UMNO Bahagian Pulai Osman Sopian berkata kritikan Dr. Mahathir terhadap Perdana Menteri adalah membina dan beliau tidak pernah berniat untuk menghancurkan UMNO dan negara.

Katanya adalah tidak wajar bagi Nazri untuk meminta Dr. Mahathir meninggalkan UMNO pada ketika parti yang telah menjangkau umur 60 tahun tersebut sedang berusaha keras menarik orang Melayu menganggotainya.

"Ini adalah negara demokrasi, sesiapa sahaja bebas menyuarakan kritikan, apalagi ia datangnya dari seseorang yang amat berjasa seperti Tun. Pandangan Tun adalah membina dan tidak berniat untuk menghancurkan negara," katanya.

- Bernama